

# SALBUTAMOL



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



www.jstor.org



 EASTERN  
HEALTH  
ALLIANCE



SINGHEALTH / PIL / M124R0



## MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah mempreskripsi salbutamol untuk anda. Ubat ini wujud dalam empat bentuk dos yang berlainan, tablet, sirap, alat penyedut dan larutan inhalasi.

Salbutamol bertindak dengan cepat untuk membuka saluran pernafasan untuk meningkatkan aliran udara masuk dan keluar dari paru-paru anda. Salbutamol boleh diambil secara oral atau disedut secara langsung ke dalam paru-paru untuk mengawal simptom-simptom asma (seperti pernafasan berdesit, keketatan dada, batuk dan sukar bernafas). Salbutamol juga boleh digunakan untuk melegakan pesakit-pesakit dengan bronkitis, masalah-masalah pernafasan, atau sebelum latihan untuk mengekalkan pembukaan saluran pernafasan sekiranya anda mempunyai kecenderongan untuk mengalami pernafasan berdesit atau sukar pernafasan semasa anda melakukan aktiviti fizikal.

## BAGAIMANAKAH saya menggunakan ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

### Tablet oral/ sirup

Jangan ambil lebih daripada jumlah yang dicadangkan. Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas sarapan. Sediaan-sedian dengan perlepasan bertahan patut ditelan sepenuhnya dan tidak dihancurkan atau dikunyah.

### Alat penyedut

Alat penyedut mungkin digunakan setiap hari atau apabila diperlukan untuk melegakan simptom-simpton kesukaran pernafasan, batuk, atau pernafasan berdesit.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi

Pastikan anda mengikuti arahan penggunaan ubat yang dinasihatkan oleh doktor anda. Jika anda menggunakan lebih daripada satu sedutan, pastikan sedutan kedua adalah kira-kira 1 minit selepas sedutan pertama. Sila ingat untuk mengaktifkan alat penyedut anda jika anda guna alat penyedut baru. Sedutan-sedutan yang terakhir bagi alat penyedut biasanya tidak mengandungi sebarang ubat.

Untuk rawatan asma, dos biasa adalah satu hingga dua sedutan tiga hingga empat kali sehari. Penyedutan perlu selang masa sekurang-kurangnya empat jam di antara dua dos yang berikutan. Jangan ambil lebih daripada lapan sedutan sehari. Beritahu doktor anda jika anda guna alat penyedut lebih kerap daripada dulu kerana ini mungkin bermakna keadaan asma anda perlu diperiksa semula oleh doktor.

### Larutan inhalasi

Larutan inhalasi salbutamol diberikan melalui alat nebulizer. Nebulizer merupakan satu jenis peralatan yang memecahkan larutan inhalasi kepada titisan-titisan kecil supaya ubat boleh disedut masuk ke dalam paru-paru melalui topeng pernafasan. Larutan inhalasi salbutamol boleh diberikan bersama-sama dengan larutan inhalasi Ipratropium. Ini boleh diberikan sama ada setiap 4 – 6 jam, atau berterusan sepanjang hari, bergantung pada keadaan anda.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Seperti ubat-ubat lain, ubat ini mempunyai sesetengah kesan sampingan. Ini termasuk:

### Kardiovaskular

- Kegetaran, terutamanya tangan anda
- Denyutan jantung yang lebih cepat daripada keadaan biasa atau tidak teratur
- Kemerahan dan perasaan hangat pada muka dan leher

### Sistem saraf

- Perasaan gelisah, atau kesukaran tidur

Perhatian: Anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan di atas jika anda mengambil terlalu banyak ubat dengan tidak sengaja. Kesan-kesan ini biasanya akan hilang dalam masa beberapa jam, tetapi anda juga patut beritahu doktor secepat yang mungkin.

### Otot dan tulang

- Ketegangan dan kekejangan otot

### Kesan setempat

- Kekeringan mulut atau kepedihan mulut dan tekak (terutamanya dengan penggunaan alat penyedut. Anda boleh berkumur mulut anda selepas penggunaan ubat untuk mengurangkan masalah ini)

Kebanyakan kesan-kesan sampingan ini tidak berlarutan lama dan biasanya akan hilang dengan masa. Namun, jika sebarang kesan ini masih menyusahkan anda selepas beberapa ketika, anda patut beritahu doktor anda.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika

- anda menghidapi penyakit-penyakit lain, terutamanya penyakit-penyakit tiroid, penyakit-penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kencing manis atau glaukoma.
- anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakkan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.
- beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.